

16 APR 2002

Mahathir-Ekonomi

PENTING BAGI UMAT ISLAM KAJI EKONOMI MODEN, KEWANGAN, KATA DR M

Oleh: Khairdzir Yunus dan Mohd Arshi Daud

RABAT, MAHGRIPI, 16 April (Bernama) -- Negara-negara Islam perlu menguasai kemahiran dalam pengurusan ekonomi dan kewangan untuk memastikan kelangsungan hidup mereka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa.

Beliau berkata pembangunan negara-negara Islam bergantung kepada kemahiran seperti itu.

"Perindustrian, perdagangan dan pengurusan kewangan berhemah adalah lebih penting daripada kemahiran politik ataupun kekuatan dan kebolehan angkatan tentera mereka. Berani dan bersedia untuk mati bagi Islam, tidak memadai dan mungkin tidak produktif," kata beliau dalam satu pertemuan dan sesi dialog bersama para cendekiawan Islam, kumpulan bijak pandai dan para anggota Parlimen Mahgribi, di sini.

Acara itu diadakan sempena dengan lawatan empat hari Dr Mahathir ke negara di benua Afrika itu untuk meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan bersama Mahgribi.

Dr Mahathir yang tiba di sini pada Isnin berkata, hari ini kita dapat lihat negara-negara kaya menjadi miskin kerana tiada kepakaran dalam mengurangkan hutang luar, ataupun keupayaan untuk menarik pelaburan terus asing, mengeksport dan berdagang dan keupayaan untuk menangani pelbagai masalah ekonomi yang timbul.

"Ekonomi yang baik tiba-tiba boleh menjadi sasaran penyanggak dan menjadi miskin semalaman," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan umat Islam supaya jangan lupa yang serangan terhadap mereka tidak semestinya dalam bentuk ketenteraan tetapi juga boleh berlaku dalam bentuk ekonomi.

Beliau berkata, pada satu masa dahulu negara-negara boleh berbuat apa sahaja yang mereka mahu dalam sempadan mereka tetapi dengan timbulnya globalisasi yang bermaksud dunia yang tidak bersempadan, mereka tidak lagi boleh berselindung di sebalik sempadan mereka.

"Globalisasi ialah mengenai ekonomi, pengurusan ekonomi, pembangunan ekonomi, kekuatan ekonomi dan kuasa-kuasa ekonomi. Jika kita gagal maju daripada segi ekonomi, kita akan tersungkur, kita akan dikuasai dan akan kehilangan kebebasan kita walaupun tiada satu pun askar asing menjejaki bumi kita," katanya.

Beliau berkata mereka yang pandai berputar belit dan tidak berprinsip sedang mencari peluang untuk mengambil kesempatan daripada kelemahan negara-negara.

"Mereka menguasai media dunia yang membantu mereka dalam mewujudkan satu persekitaran kondusif untuk mereka eksploitasi. Apabila mereka telah memiskinkan sesebuah negara rakan-rakan mereka akan masuk untuk mengambil lagi kesempatan," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka tidak boleh dilawan dengan angkatan tentera, mereka hanya boleh ditentang dengan keupayaan pengurusan kewangan dan ekonomi.

"Di luar sana bank-bank dan perbadanan gergasi sedang bergabung dan saling membeli satu sama lain untuk menjadi lebih besar. Mereka akan bercakap mengenai kesaksamaan tetapi mereka tahu saiz yang akan menentukan siapa yang menang. Dan mereka mahu menjadi yang terbesar dalam bidang masing-masing," katanya.

Beliau berkata pada satu masa dahulu terhadap bangkangan terhadap monopoli dan undang-undang anti-monopoli diperkenalkan tetapi hari ini

tiada sesiapaapun yang menghalang perbadanan-perbadanan gergasi daripada memonopoli perniagaan seluruh dunia.

"Dalam mana-mana industri, akhirnya akan terdapat hanya dua atau tiga syarikat. Mereka akan mendominasi dunia. Mereka akan menjadi begitu besar dan kuat dan kita perlu akur kepada mereka. Jika kerajaan-kerajaan tidak mahu memberi laluan kepada mereka, mereka akan menarik diri menyebabkan kerajaan dan negara terbabit bankrap," katanya.

Dr Mahathir berkata negara-negara membangun hanya boleh mempertahankan diri mereka jika pengurusan ekonomi mereka adalah baik dan untuk memastikan pengurusan yang baik mereka mesti mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mentadbir dan memajukan negara sendiri.

-- BERNAMA

KHY MAD PR